

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC BERSAMA PENGGUNA TEGAS BERKENAAN ISU TOUCH 'N GO

KUALA LUMPUR, 21 MAC 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyambut baik komitmen YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk segera meneliti isu monopoli Touch n Go dalam sistem pembayaran tol dan pengangkutan awam termasuk mempertimbangkan sistem pembayaran alternatif lain untuk merangsang persaingan dalam pasaran tersebut.

MyCC juga mengambil maklum dengan inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan seperti pengenalan Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) yang akan membolehkan pengguna membayar tol menggunakan kaedah pembayaran lain serta rancangan untuk membangunkan lebih banyak cara pembayaran untuk pengangkutan awam. Langkah ini dijangka akan menghentikan monopoli Touch 'n Go dalam pasaran yang berkaitan selaras dengan permintaan orang awam.

Bagi memastikan perkembangan kukuh dalam isu ini, MyCC melalui pasukan khas yang ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan terus memantau perkembangan dan tingkah laku Touch 'n Go bagi menjamin kelancaran kemasukan pemain baharu ke dalam pasaran-pasaran tersebut.

“Sebelum ini, MyCC telah menyiasat beberapa syarikat monopoli, di mana salah sebuah daripadanya didapati cuba meningkatkan kos kemasukan ke dalam pasaran melalui perjanjian eksklusif bersama syarikat hilirannya. Akibatnya, aspirasi kerajaan untuk menyuntik persaingan dalam pasaran tersebut tidak dapat dipenuhi. MyCC juga akan mengambil langkah yang sama dalam memantau sebarang perkembangan dalam usahanya mewujudkan persaingan bagi pasaran pembayaran tol lebuh raya dan pengangkutan awam. Hal ini adalah penting bagi memastikan terdapat alternatif dan pesaing yang kuat dalam pasaran yang boleh bersaing secara berkesan untuk manfaat pengguna”, tegas Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.